

Sikap ambil mudah punca denggi

Sinar Harian 13/04/2010 M15 527

BANDAR BARU BANGI—Peningkatan kes denggi khususnya di taman perumahan mampu diatasi jika masyarakat mengambil tanggungjawab positif membendung penularan pada peringkat awal.

Pengerusi Persatuan Kejiranan Damai Impian, Seksyen 3 Bandar Baru Bangi, Ahmad Sufie Munasir berkata, sikap sesetengah penghuni dan masyarakat yang mengambil mudah faktor kebersihan adalah punca wabak berkenaan meningkat.

Menurutnya, berdasarkan situasi semasa antara faktor peningkatan denggi adalah disebabkan sistem persekitaran dan pengaliran tidak sistematik serta sikap kurang mengambil berat penyakit berkenaan.

"Kebiasaannya aktiviti gotong-royong hanya akan dijalankan apabila berlakunya denggi di suatu kawasan perumahan, tetapi jika semua penduduk mengambil berat mengenai kebersi-

han persekitaran pada peringkat awal ia mampu mengatasi masalah berkenaan.

"Aktiviti gotong-royong ini bukanlah perlu dilakukan apabila berlaku sesuatu masalah dan wujud penyakit tetapi perlu dilakukan secara berkala dengan kerjasama semua penduduk," katanya pada Program Gotong-Royong Persatuan Kejiranan Damai Impian, Seksyen 3 Bandar Baru Bangi sempena Pertandingan Kejiranan Terbaik Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 2010.

Mengulas mengenai aktiviti gotong-royong berkenaan dia berkata, ia diadakan bertujuan sebagai persediaan awal untuk pertandingan dan memastikan kawasan persekitaran bersih dari sampah sarap.

"Selain itu objektif program ini adalah untuk memastikan longkang tidak tersumbat dan mengelakkan air longkang dari bertakung memandangkan kes



● Sebahagian masyarakat setempat yang menyertai Program Gotong Royong Persatuan Kejiranan Damai Impian, Seksyen 3 Bandar Baru Bangi sempena Pertandingan Kejiranan Terbaik Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 2010. (Gambar kecil) Ahmad Sufie Munasir

denggi yang semakin meningkat.

"Melalui penganjuran program ini ia mampu merapatkan hubungan di antara penghuni taman serta konsep kerjasama walaupun berada di kawasan bandar," katanya.

Menurutnya, pada tahun ini MPKj sekali lagi mengadakan Pertandingan Kejira-

nan Terbaik Antara Majlis Perwakilan Penduduk Zon yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Rumah Teres dan Kategori Rumah Bertingkat.

"Setiap MPP Zon dibenarkan mencalonkan satu perumahan bagi setiap kategori dan MPP Zon 23 yang dipengerusikan oleh Dr Tajul Ariffin Noordin menca-

lonkan Persatuan Kejiranan Damai Impian, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi untuk kategori Rumah Teres mewakili MPP Zon 23.

"Pencalonan ini merupakan satu penghargaan dan tanggungjawab kepada persatuan dalam usaha memastikan kebersihan sentiasa terjamin demi kebaikan masyarakat setempat," ka-

tanya.

Program gotong royong ini dianjurkan oleh Persatuan Kejiranan Damai Impian dengan kerjasama MPP Zon 23, MPKj dan Alam Flora.

INFO

Pertandingan Kejiranan Terbaik Antara Majlis Perwakilan Penduduk Zon.